



JABATAN ALAM SEKITAR

NOTA MAKLUMAN

ADUAN PENCEMARAN TARBALL DI KG. GENTING, PULAU TIOMAN

1.0 TUJUAN

Nota ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah mengenai makluman awal siasatan aduan pencemaran tarball di Kg. Genting, Pulau Tioman, Pahang.

.2.0 PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2.1 Latarbelakang

2.1.1 JAS Pahang (Cawangan Rompin) telah menerima aduan pencemaran tarball di Kg. Genting, Pulau Tioman, Pahang pada 16 Februari 2016 jam 07.10 petang melalui YB Dato' Sri Maznah binti Mazlan, ADUN Muadzam Shah daripada pengadu, Tn. Syed Rizalman, Pengurus Damai Tioman Resort, Pulau Tioman.

2.1.2 Ketua Cawangan JAS Rompin telah memaklumkan kepada Pengarah JAS Pahang melalui KPP(K) Bahagian Operasi berhubung maklumat yang diterima seterusnya dipanjangkan ke pihak Ibupejabat JAS.

2.2 Tindakan JAS Pahang (Cawangan Rompin)

- 2.2.1 Pada 17 Februari 2016, Ketua Cawangan JAS Rompin telah menggerakkan pasukan penyiasat. Siasatan awal dijalankan dengan menghubungi pengadu untuk mendapatkan maklumat lanjut lokasi aduan. Pengadu memaklumkan pencemaran tarball mula dikesan pada tengahari 16 Februari 2016. Tompokan-tompokan minyak hitam beku ini terdapat di pesisiran pantai Kg. Genting yang kebanyakannya berdekatan dengan resort beliau.
- 2.2.2 Aduan pencemaran tarball ini juga dilaporkan di halaman 40, Akhbar Sinar Harian Edisi Pahang bertarikh 17 Februari 2016 bertajuk "Pantai Kampung Genting tercemar".
- 2.2.3 Pasukan penyiasat JAS Cawangan Rompin masih belum dapat ke lokasi aduan memandangkan pengangkutan feri di Tanjung Gemok, Rompin masih belum beroperasi. Syarikat pengangkutan feri ini sedang menutup operasi sementara kerana musim tengkujuh yang bermula Oktober 2015 yang lepas. Operasi feri ini akan dibuka semula setelah keadaan cuaca yang baik untuk meneruskan operasi pengangkutan feri ke Pulau Tioman.
- 2.2.3 Ketua Cawangan JAS Rompin telah menghubungi Jabatan Taman Laut Rompin dalam usaha untuk mendapatkan kerjasama bagi menjalankan siasatan ke Pulau Tioman. Walau bagaimanapun, talian telefon Pejabat dan Pengarah Jabatan Taman Laut tidak dapat dihubungi.

- 2.2.3 Pihak Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) selaku Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Tioman yang beroperasi di Tanjung Gemok, Rompin telah dihubungi oleh JAS Cawangan Rompin bagi memaklumkan pencemaran tarball. Maklumat daripada pihak TDA memaklumkan, pihak TDA akan memulakan operasi pembersihan di pesisiran pantai Kg. Genting. Maklumat lanjut berkenaan perkara ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.
- 2.2.4 Pasukan penyiasat JAS Cawangan Rompin masih belum dapat memasuki Pulau Tioman memandangkan keadaan cuaca tidak mengizinkan dan atas sebab risiko keselamatan, siasatan akan dijalankan apabila cuaca baik.**
- 2.2.5 Bantuan daripada pihak Jabatan Taman Laut juga tidak dapat dilaksanakan atas risiko keselamatan memandangkan pihak Jabatan Taman Laut hanya mempunyai bot kecil di pangkalan.**
- 2.2.6 Daripada maklumat yang diperoleh, operasi pembersihan telah dijalankan oleh pihak TDA dan Jabatan Taman Laut beserta penduduk kampung. Maklumat selanjutnya akan dikemaskini.**
- 2.2.7 JAS Cawangan Rompin juga telah memaklumkan YH Dato' Pegawai Daerah Rompin berhubung kes pencemaran ini dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak JAS.**

3.0 SYOR

JAS Pahang (Cawangan Rompin) mengesyorkan perkara-perkara berikut;

- a) Menyelaras siasatan lanjut di lokasi kejadian setelah keadaan cuaca berkeadaan baik dan pengangkutan feri ke Pulau Tioman dapat diuruskan.
- b) Kerja-kerja pembersihan oleh pihak TDA, pihak Taman Laut serta penduduk kampung akan dipantau dari masa ke semasa.
- c) Kerja-kerja pembersihan juga akan dilakukan dan diselaraskan bersama Pegawai Daerah Rompin, Pejabat Daerah dan Tanah Rompin selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembersihan Pantai Tahap Pertama jika masih memerlukan kerja-kerja pembersihan setelah selesai siasatan di jalankan di Pulau Tioman.

4.0 PENUTUP

Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah dipohon mengambil maklum mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil dan syor JAS Pahang mengenai kes di atas.

Ketua Cawangan
Jabatan Alam Sekitar Cawangan Rompin

Tarikh : 17 Februari 2016